

NO. SOALAN: 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM
[JULAU]**

TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)

SELASA :

Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apa yang telah dan akan dilakukan dalam membangunkan para peniaga di kalangan Bumiputera seperti Kaum/Masyarakat Dayak di negeri Sarawak.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha Kerajaan membangunkan usahawan Bumiputera di Malaysia, Kerajaan telah menyediakan pelbagai program dan inisiatif dengan kerjasama dari berbagai pihak termasuk Kerajaan Negeri dalam membantu usahawan Bumiputera termasuk masyarakat Bumiputera di Sarawak. Program dan inisiatif tersebut meliputi penyelarasan data, akses kepada pasaran, pembiayaan serta pembangunan modal insan. Bagi negeri Sarawak, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) melalui TERAJU@Sarawak, sedang bekerjasama dengan Unit Pembangunan Usahawan Bumiputera dan Industry Halal, Jabatan Ketua Menteri, bagi melaksanakan program dan inisiatif pemeraksanaan ekonomi Bumiputera di negeri Sarawak.

Antara inisiatif dan program yang telah disediakan dalam membantu usahawan Bumiputera termasuk kaum Dayak di Sarawak adalah program TERAS, Dana TERAS, Dana Mudahcara dan yang terbaru, Dana Pembangunan Usahawan bagi negeri Sarawak dengan peruntukan sebanyak RM15 juta. Dana ini bertujuan untuk memperkasa pembangunan usahawan Bumiputera bagi meluaskan peluang perniagaan kepada usahawan kecil dan mikro. Sehingga kini, sebanyak 62 syarikat dari Sarawak telah menyertai program TERAS, di mana 9 syarikat dari jumlah

tersebut adalah milik kaum Dayak. Manakala, sebanyak 40 projek di Sarawak telah mendapat kelulusan Dana Mudahcara dengan nilai kos keseluruhan projek bernilai RM780 juta.

Dengan terlaksananya inisiatif dan program sebegini, dijangka akan dapat membangunkan usahawan Bumiputera dalam perniagaan termasuk kaum Dayak di Sarawak.

Terima kasih.